

Jho Low tiada lagi kaitan dengan PPB

SITI AZIELAH WAHI
5 OGOS 2018



Jho Low

PUTRAJAYA - Umum mengetahui syarikat pembinaan dan pemaju hartanah, Putrajaya Perdana Berhad (PPB) pernah dimiliki ahli perniagaan Low Taek Jho atau Jho Low yang dikaitkan dengan kontroversi membabitkan anak syarikat 1MDB, SRC International.

Bagaimanapun, masih ramai tidak mengetahui fakta bahawa PPB telah dibeli seorang ahli perniagaan lain dan kini dikawal Datuk Rosman Abdullah, sebagai Pengarah Urusan Kumpulan PPB sejak Oktober 2015.

Menjelaskan kedudukan terkini syarikat berkenaan, Rosman berkata, syarikat itu dimiliki beliau selepas membeli 100 peratus pegangan saham daripada Jho Low melalui syarikat pelaburan miliknya, Cendana Destini Sdn Bhd pada 2012.

"Dengan nilai RM260 juta, saya telah bersetuju untuk membeli PPB melalui pinjaman bank dan hutang ekuiti dan menandatangani beberapa perjanjian pada tahun 2012.

"Seterusnya, pada 2014, 30 peratus pegangan saham di dalam PPB telah dijual oleh Cendana Destini kepada Lembaga Tabung Haji," katanya dalam satu temubual bersama Sinar Harian di pejabatnya, baru-baru ini.

Rosman berkata, sebelum mengambil alih syarikat tersebut, PPB dimiliki sepenuhnya Jho Low melalui syarikat UBG Berhad yang dikawalnya.

Katanya, sekitar 2008, syarikat PPB dan UBG pernah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur namun syarikat itu tidak lagi tersenarai selepas tiga tahun Jho Low mengambil alih syarikat itu pada 2011.

Rosman menjelaskan, memiliki sebuah syarikat yang sedemikian sememangnya menjadi impiannya dan beliau sentiasa merancang untuk membeli sebuah syarikat demi mengubah kehidupan daripada sebuah keluarga susah kepada kedudukan yang lebih baik.

Beliau yang memulakan kerjaya sebagai juruaudit di sebuah firma akauntan awam bertauliah pada 1989 pernah berkhidmat sebagai pengarah eksekutif di Malaysia Airports Holdings Bhd selain menjadi ketua pegawai eksekutif, syarikat pembinaan Peremba Construction Sdn Bhd dan Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd.

Berbekalkan pengalaman pengurusan melebihi 25 tahun yang dimilikinya, beliau optimis untuk membeli dan mengendalikan sebuah syarikat pembinaan dan pemaju hartanah yang sedang beroperasi dan mempunyai kedudukan kewangan serta rekod kerja baik.

"Berbekalkan pengalaman yang ada, saya mula meninjau dan merisik melalui kenalan sekiranya ada syarikat yang akan dijual sehinggalah saya dikenalkan dengan Jho Low oleh seorang rakan berkaitan penjualan syarikat PPB," katanya.

Mengendalikan sebuah syarikat yang dikaitkan dengan isu dana SRC International, Rosman mengakui beliau juga terpalit dengan kontroversi apabila dituduh sebagai proksi Jho Low dan turut mempunyai kaitan dengan salah laku yang dikaitkan.

"Saya bukan proksi kepada Jho Low. Malah berita tentang beberapa ahli lembaga pengarah PPB yang dikaitkan dengan SRC International, ECRL dan SSER adalah bekas ahli lembaga pengarah PPB dan wakil Jho Low ketika Jho Low masih ada kuasa.

"Ahli-ahli lembaga pengarah ini telah pun mengundurkan diri atau meletak jawatan selepas saya mengambil alih syarikat pada Oktober 2015," ujarnya.

Malah menurutnya, beliau juga direman SPRM bagi membantu siasatan kes itu dan dilepaskan selepas siasatan selesai.

Rosman menjelaskan, hubungan beliau dengan Jho Low hanyalah sebagai pembeli dengan penjual kepada syarikat berkenaan tidak lebih dari itu.

"Pembelian syarikat PPB oleh Cendana Destini yang dimiliki saya pada tahun 2012 adalah berlandaskan keupayaan dan kecekapan pengurusan serta pekerja-pekerjanya," katanya.

Lebih daripada 90 peratus projek yang diperolehi melalui tender terbuka.